

Oleh Presiden  
Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama  
dalam Presidensi Utama



# Nubuat dan Wahyu Peribadi

**G**ereja benar Yesus Kristus telah dipulihkan dan berada di bumi hari ini. Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah sentiasa dipimpin oleh para nabi dan rasul yang hidup, yang selalu menerima bimbingan dari syurga.

Corak ilahi itu juga adalah benar pada masa yang lalu. Kita belajar dalam Alkitab: “Tuhan Raja tidak pernah melakukan sesuatu pun tanpa menyatakan rancangan-Nya kepada para nabi, hamba-hamba-Nya” (Amos 3:7).

Tuhan telah sekali lagi bercakap pada zaman kita, melalui Nabi Joseph Smith. Melalui Nabi Joseph Tuhan telah memulihkan Injil Yesus Kristus dengan sepenuhnya. Tuhan telah memulihkan imamat suci-Nya dengan kunci-kunci dan semua hak-hak, kuasa, dan fungsi kuasa kudus imamat.

Dalam hari kita, nabi dan rasul hidup diberi kuasa untuk bercakap, mengajar, dan membimbing dengan kuasa daripada Tuhan Bapa dan Tuhan Yesus Kristus. Juruselamat berkata kepada Nabi, “Apa yang telah Aku Tuhan firmankan, telah Aku firmankan, dan Aku tidak memaafkan diri-Ku; dan walaupun langit dan bumi berlalu, firman-Ku tidak akan berlalu, tetapi semuanya akan digenapi, apakah melalui suara-Ku sendiri atau melalui suara para hamba-Ku, itu adalah sama” (A&P 1:38).

Dalam persidangan umum dua kali setahun, kita diberkati dengan peluang untuk mendengar firman Tuhan untuk kita daripada hamba-hamba-Nya. Itu adalah hak

istimewa yang tidak ternilai. Tetapi nilai peluang itu terpuang kepada sama ada kita menerima firman Tuhan melalui Roh yang sama seperti yang diberikan oleh hamba-hamba tersebut (lihat A&P 50:19-22). Seperti juga mereka menerima bimbingan daripada syurga, kita mesti juga. Dan ia memerlukan usaha rohani yang sama dari kita.

## “Buat Kerja rumah Kamu”

Beberapa tahun yang lalu salah seorang ahli dari Kuorum Rasul Dua Belas meminta saya membaca satu ucapan persidangan yang dia sedang sediakan untuk persidangan umum. Pada masa itu saya seorang ahli junior dalam kuorum. Saya terharu dengan keyakinannya bahawa saya mungkin boleh membantu dia mencari kata-kata yang Tuhan mahu dia ucapkan. Dia berkata kepada saya dengan senyuman, “Oh, ini adalah draf yang ke-22 untuk ucapan ini.”

Saya mengingati nasihat Presiden Harold B. Lee yang mengasihi dan baik hati (1899-1973) kepada saya tidak lama yang lalu dengan penekanan yang besar: “Hal, jika kamu hendak menerima wahyu, buat kerja rumah kamu.”

Saya membaca, memikirkan, dan berdoa mengenai draf yang ke-22 itu. Saya mengkaji sebaik yang boleh di bawah dorongan Roh Kudus. Pada masa ahli kuorum itu memberikan ucapannya, saya telah membuat kerja rumah saya. Saya tidak pasti saya telah membantu, tetapi saya tahu bahawa saya telah diubah semasa saya mendengar ucapan itu.

Pesanan datang kepada saya jauh dari yang saya telah baca atau yang diucapkannya. Kata-kata tersebut mempunyai maksud yang lebih besar dari apa yang saya baca dalam draf itu. Dan pesanan itu seolah-olah diberikan untuk saya, dilengkapi untuk keperluan saya.

Hamba-hamba Tuhan berpuasa dan berdoa untuk menerima pesan-Nya untuk diberikan kepada mereka yang memerlukan wahyu dan inspirasi. Apa yang saya belajar dari pengalaman itu, dan banyak lain seperti itu, adalah untuk memperoleh manfaat besar yang sedia ada daripada mendengar para nabi dan rasul hidup, kita mesti bayar harga sendiri untuk menerima wahyu.

Tuhan mengasihi setiap orang yang mendengar pesan-Nya, dan Dia mengenali hati dan keadaan setiap orang. Dia tahu apa yang perlu dibetulkan, jenis dorongan, dan kebenaran Injil yang paling berkesan untuk membantu setiap orang memilih jalan mereka dalam perjalanan ke kehidupan abadi.

Kita yang mendengar dan menonton pesanan persidangan umum kadangkala berfikir kemudian, "Apa yang paling saya ingati?" Harapan Tuhan untuk setiap seorang dari kita adalah bahawa jawapan kita seperti berikut: "Saya tidak akan melupakan waktu saya merasai suara Roh di dalam minda dan hati memberitahu saya apa yang boleh saya lakukan untuk menggembirakan Bapa Syurgawi dan Juruselamat saya."

Kita boleh menerima wahyu peribadi itu apabila kita mendengar para nabi dan rasul dan apabila kita bekerja dengan iman untuk menerimanya, seperti dikatakan oleh Presiden Lee. Saya tahu bahawa ia adalah benar dari pengalaman dan melalui kesaksian dari Roh.

---

## MENGAJAR DARI PESANAN INI

Pertimbangkan untuk membaca dengan kuat cerita Presiden Eyring tentang kajian draf ucapan persidangan ahli kuorumnya. Anda mungkin bertanya, "Apakah harga penerimaan wahyu?" Selepas perbincangan

anda, anda boleh menjemput mereka yang kamu kunjung untuk memikirkan dan memulakan satu pelan untuk menerima pesanan-pesanan persidangan umum yang akan datang "di bawah dorongan Roh yang sama seperti yang diberikan kepada hamba-hamba [Tuhan]."

## REMAJA

### Bapa Syurga Berfirman kepada Saya melalui Ucapan Persidangan

Oleh Anne Laleska Alves de Souza

**S**aya tidak pasti tentang apa yang patut saya belajar di universiti. Kebanyakan orang bercakap buruk tentang kursus yang saya mahu ambil, jadi saya berdoa kepada Tuhan untuk mengetahui sama ada Dia bersejua dengan keputusan saya.

Jawapan saya datang pada hari berikutnya semasa saya membaca ucapan persidangan umum dalam *Liahona*. Saya berasa seperti Bapa Syurgawi sedang berkata kepada saya bahawa Dia tidak boleh memilih untuk saya—ini adalah keputusan yang saya akan buat keseorangan. Saya tahu bahawa tidak kira apa yang saya pilih, saya perlu bekerja keras untuk berjaya.

Saya tahu bahawa doa saya telah dijawab. Penetapan Roh Kudus membantu saya membuat keputusan. Saya telah belajar untuk memberi usaha terbaik saya dan tahu bahawa Bapa Syurgawi akan membantu saya. *Pengarang ini tinggal di Sergipe, Brazil.*

## KANAK-KANAK

### Ikutlah Nabi

**P**ara nabi dan rasul berfirman bagi pihak Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus. Mereka mengajar kita bagaimana mengikuti Yesus. Apakah beberapa perkara-perkara yang nabi dan para rasul telah minta kita buat?



Iman, Keluarga, Pertolongan

# Anak-anak Perempuan Bapa Abadi Kita

*Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsikan. Bagaimana memahami “Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia” meningkatkan iman kamu kepada Tuhan dan memberkati mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

**K**itab suci mengajar kita bahawa “kita anak Tuhan” (Kisah Rasul-Rasul 17:29). Tuhan memanggil Emma Smith, isteri Nabi Joseph Smith, “anak perempuan-Ku” (A&P 25:1). Perisytiharan keluarga mengajar kita bahawa kita masing-masing adalah “anak rohani . . . perempuan kepada ibu bapa syurgawi.”<sup>1</sup>

“Dalam hidup [prafana], kita belajar mengenai identiti perempuan abadi kita,” kata Carole M. Stephens, penasihat pertama dalam presidensi umum Lembaga Pertolongan.

Perjalanan fana kita ke bumi tidak mengubah kebenaran-kebenaran itu.”<sup>2</sup>

“Bapa Syurgawi kamu tahu nama kamu dan keadaan kamu,” kata Elder Jeffrey R. Holland dari Kuorum Dual Belas Rasul. “Dia mendengar doa-doa kamu. Dia tahu harapan dan impian kamu, dan juga ketakutan dan kekecewaan kamu.”<sup>3</sup>

“Kita masing-masing memiliki dan diperlukan dalam keluarga Tuhan.” kata Sister Stephens. “Semua keluarga di bumi ini berbeza. Kita berusaha sedaya upaya untuk menubuhkan keluarga yang kukuh, tetapi keahlian dalam keluarga Tuhan tidak bergantung pada apa-apa status pun—perkahwinan, keibubapaan, kewangan, sosial, atau pun status yang kita pos pada media sosial.”<sup>4</sup>

## Ayat-ayat Suci Tambahan

Yeremia 1:5; Roma 8:16;  
Ajaran dan Perjanjian 76:23–24

## Dari Sejarah Kita

Dalam akaun Penglihatan Pertamanya,<sup>5</sup> nabi Joseph Smith mengesahkan banyak kebenaran—termasuk bahawa Bapa Syurgawi kita tahu nama kita.

Joseph yang muda bergelut untuk mengetahui gereja mana yang harus dia sertai dan mendapat bimbingan dalam Yakobus 1:5. Joseph membuat kesimpulan bahawa dia akan menanya Tuhan.

Pada pagi satu musim bunga pada tahun 1820, dia pergi ke hutan untuk berdoa tetapi dengan segera ditangkap oleh kuasa yang gelap. Dia menulis:

“Tepat pada saat yang mencemaskan ini, aku melihat suatu tiang cahaya benar-benar berada di atas kepalaku, melebihi keterangan matahari, yang turun secara perlahan-lahan sehingga ia berada padaku.

Tidak lama selepas itu aku mendapati diriku telah dibebaskan daripada musuh yang mencengkamku. Ketika cahaya itu berada padaku, aku melihat dua Lembaga, yang mana keterangan dan kemuliaan Mereka tidak dapat digambarkan, berdiri di atasku di udara. Salah seorang daripada Mereka

berfirman kepadaku, memanggil namaku, dan berfirman, sambil menunjuk kepada yang seorang lagi—*Inilah Putera-Ku yang Ku kasihi. Dengarkanlah Dia!*” Pada tahun 1829, Joseph Smith menerima kuasa imamat yang sama seperti yang Yesus Kristus berikan kepada para Rasul-Nya. Yohanes Pembaptis, yang membaptis Yesus, muncul kepada Joseph Smith dan menganugerahkan ke atasnya Imamat Harun, atau imamat yang lebih rendah. Petrus, Yakobus, dan Yohanes (tiga orang daripada para Rasul asal Yesus Kristus) kemudiannya muncul kepada Joseph Smith dan menganugerahkan kepadanya Imamat Melkisedek, atau imamat yang lebih tinggi.

## NOTA-NOTA

1. “Keluarga: Suatu Perisytiharan kepada Dunia,” *Liahona*, Nov. 2010, 129.
2. Carole M. Stephens, “Keluarga Ditetapkan Tuhan,” *Liahona*, Mei 2015, 11.
3. Jeffrey R. Holland, “To Young Women,” *Liahona*, Nov. 2005, 28.
4. Carole M. Stephens, “Keluarga Ditetapkan Tuhan,” *Liahona*, Mei 2015, 11.
5. Lihat Topik-topik Injil, “Laporan Penglihatan Pertama,” [topics.lds.org](http://topics.lds.org)

## Pertimbangkan Ini

Bagaimanakah mengetahui bahawa anda seorang anak perempuan Tuhan mempengaruhi keputusan-keputusan anda?